

**NO. SOALAN : 223**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [ Bukit Katil ] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan projek pembangunan bersepadu oleh Felda dan Encorp, di Bukit Katil dan berapakah kos projek dan nilai hartanah tersebut serta manfaat yang akan dinikmati oleh penduduk di Bukit Katil.**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah membeli tanah seluas 640.991 ekar (259 hektar) di Bukit Katil dengan harga RM 304,344,044 pada tahun 2013. Kertas cadangan yang telah dibentangkan oleh Encorp Berhad menyatakan bahawa konsep cadangan pembangunan meliputi perumahan, komersil, perdagangan, hospital swasta dan pusat beli-belah. Ini sekaligus akan memberikan manfaat kepada penduduk sekitar dari segi peluang pekerjaan, kemudahan mendapatkan kelengkapan harian dan kemudahan institusi penjagaan kesihatan.

Melalui mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 331 pada 29 September 2015, FELDA telah bersetuju melantik Encorp Berhad sebagai pemaju induk '*Master Developer*' bagi melaksanakan pembangunan komersial di atas tanah milik FELDA di lot 6934, Mukim Bukit Katil. Sehingga kini, perjanjian pembangunan telah ditandatangani antara FELDA dan Encorp Berhad pada 24 Jun 2015. Pelan susun atur serta dokumen merancang sedang dimuktamadkan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Kos bagi projek ini adalah sebanyak RM 583.6 juta.

Sekian, terima kasih.